

13/10/1999

Australia harap Asean tidak prasangka

KUALA LUMPUR, Selasa - Australia berharap Malaysia dan negara Asean lain tidak menaruh prasangka terhadap kepemimpinannya dalam operasi pengaman di Timor Timur atas alasan Canberra tidak ada motif tersembunyi.

"Saya ingin menegaskan kepada Malaysia bahawa Australia tidak mempunyai motif tersembunyi kerana kami diberi mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Apa yang perlu diingat ialah Australia tidak bertindak sehingga Majlis Keselamatan PBB meluluskan Ketetapan 1264 dan Indonesia memberi kebenaran," kata Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Robert Cotton.

Berikutan itu, beliau menyuarakan keyakinan bahawa Kuala Lumpur dan Canberra boleh menangani secara baik isu Timor Timur berdasarkan hubungan positif dua negara selama ini.

Mengenai laporan Reuters semalam, yang memetik pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam akhbar Jepun, 'Mainichi Daily', bahawa Timor Timur akan menjadi 'Vietnam Australia', Cotton berkata operasi Australia di Timor Timur berbeza berbanding campur tangan Amerika Syarikat di Vietnam.

"PBB memberi mandat bagi operasi ini (di Timor Timur), tetapi tidak di Vietnam," katanya.

Cotton mengulas demikian selepas memberi taklimat kepada media mengenai dasar luar Australia, khususnya isu kepemimpinannya dalam tentera pelbagai negara PBB bagi mengembalikan keamanan di Timor Timur.

Cotton juga berkata, Australia hanya aktif dalam isu Timor Timur selepas Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, memintanya bersedia melancarkan operasi.

Beliau berkata, Australia juga tidak merancang untuk memegang teraju operasi pengaman di Timor Timur pada fasa selanjutnya dan menyokong sebarang langkah PBB memilih mana-mana negara Asean untuk memimpin misi itu.

Katanya, perbincangan mengenai negara yang akan mengetuai operasi pengaman pada fasa ketiga di Timor Timur sedang dibincangkan di PBB.

"Terpulang kepada PBB siapa yang akan memimpin. Kami tidak mahu memegang kepemimpinan selepas ini, sebaliknya berharap negara lain mengetuainya," katanya.

Minggu lalu, Majlis Keselamatan PBB mula membincangkan satu draf ketetapan membenarkan badan dunia mengambil alih pentadbiran Timor Timur untuk persiapan kemerdekaan wilayah itu.

Draf itu mencadangkan satu badan dikenali Pentadbiran Sementara PBB di Timor Timur yang akan mengambil alih daripada pengaman pelbagai negara ketika ini dalam tempoh dua hingga empat bulan lagi, akan disertai 8,950 pengaman, 200 pemerhati tentera dan 1,640 pegawai polis antarabangsa.

"Mungkin anda tidak akan faham, tetapi sudah menjadi tugas kami untuk meyakinkan kami apa yang kami lakukan," katanya.

Bagi membuktikan Canberra benar-benar tiada motif tersembunyi, pegawai negara itu sering memberi taklimat kepada kumpulan tertentu setiap minggu termasuk duta negara Asean.

Beliau juga mengulangi penafian adanya 'Doktrin Howard' yang dikatakan cadangan Perdana Menteri Australia, John Howard, mengenai niat Australia menjadi 'Timbalan Marsyal' Amerika Syarikat menjaga keselamatan rantau Asia.

(END)